

Kerjaya, usahawan fokus Puteri

UM-13/11/2006

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN
(WARTAWAN UTUSAN)

BAGI Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Noraini Ahmad, tanggapan bahawa sayap pimpinannya tidak menonjol dan 'jinak' ternyata menyimpang jauh daripada kebenaran.

Bagi beliau, meskipun kegiatan yang dianjurkan oleh Puteri kurang mendapat perhatian media tetapi ia bukan isyarat bahawa sayap muda itu lemah dan tidak proaktif.

Ini kerana, beliau tahu ahli-ahlinya yang kini hampir mencecah 300,000 orang tidak pernah lekang daripada menjayakan projek demi projek bagi membantu golongan wanita di bawah umur 35 tahun.

"Mereka tidak pernah duduk diam dan sentiasa sibuk dengan aktiviti Puteri UMNO sehingga sanggup mengorbankan masa bersama keluarga, walaupun kebanyakan mereka adalah ibu-ibu muda," katanya.

Beliau berkata, Puteri yang sering 'diusik' kerana penampilan menarik seperti berambut perang juga mahu dilihat hebat kerana sumbangan bakti mereka kepada masyarakat.

"Puteri UMNO bekerja keras, membuat keputusan dan menyumbang kepada kejayaan UMNO. Jangan nilai kami dari luaran," tegasnya.

Usaha agresif Puteri UMNO dalam membantu siswazah menganggur menyertai bidang usahawan tidak boleh disangkal lagi.

Antara projek yang telah dilaksanakan adalah program Tunas Kerjaya 2006 dan Program Sijil Profesional Eksekutif Korporat (Prospek) bagi menye-

diakan peluang pekerjaan dan menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan.

Meskipun Noraini mengakui bahawa bilangan siswazah menganggur tidak banyak berubah kerana kemasukan siswazah baru, usaha tersebut menghasilkan kadar kejayaan yang baik. Para peserta berjaya memiliki pengetahuan yang mencukupi bagi meningkatkan peluang mereka mendapatkan pinjaman perniagaan.

Usaha khusus mereka ini akan diteruskan dengan pelancaran direktori usahawannya sendiri, iaitu Sahabat Niaga Puteri pada Perhimpunan Agung UMNO yang bermula hari ini.

Direktori itu akan menghimpunkan nama-nama dan butiran usahawan ahli-ahli Puteri UMNO dalam pelbagai bidang, tidak kira saiz perniagaan, dari seluruh Malaysia bagi menggalakkan budaya rangkaian kerja antara ahli.

Pelancarannya akan disempurnakan oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak pada pukul 12 tengah hari, pada hari ini.

Persidangan Puteri UMNO akan menyusul esok dengan tema kerjaya dan keusahawanan masih mendapat tempat khas dalam ucapan dasar Noraini.

Tema keusahawanan itu menerima perhatian lebih besar lagi dengan penyampaian Anugerah Usahawan Puteri UMNO kepada seorang ahli sayap yang amat aktif dalam bidang perniagaan

dan cukup terkenal.

Meskipun identiti penerima itu dirahsiakan buat waktu ini, penganugerahan itu bertujuan membuktikan galakan mereka kepada generasi muda bahawa dengan tumpuan yang kukuh dan sikap tidak mudah mengalah, mereka juga mampu mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan.

Tahun ini, Puteri UMNO juga mahu menekankan dua aspek tambahan iaitu kesihatan dan sosial, kata beliau.

Aspek pertama dipilih kerana pergerakan menyedari bahawa penyakit kritikal seperti kanser dan leukemia kini tidak lagi hanya memilih mereka yang sudah berumur.

Gejala ini turut tidak terlepas daripada barisan Exco negerinya sendiri dengan kehilangan beberapa ahli seperti Naib Ketua Pergerakan Puteri UMNO Terengganu, Norzie Awang Ahmad, 31, pada 2 Oktober lalu akibat penyakit leukemia.

Antara langkah yang mahu diambil adalah program meningkatkan kesedaran awam dan memperbanyakkan kemudahan pakar yang boleh melakukan diagnosis penyakit.

Aspek sosial pula dipilih kerana ramai di kalangan golongan muda yang dilihat terjebak di dalam masalah sosial termasuk pornografi dan mat rempit.

Lebih menyedihkan, kata beliau, golongan wanita hanya diperalatkan dalam gejala tersebut tanpa menyedari impli-

kasi dan kesan perbuatan mereka itu.

Noraini akan turut menyertakan sokongan kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin parti yang telah banyak memberikan sokongan kepada Puteri UMNO.

Selain itu, bidang pendidikan, seperti biasa, akan menerima perhatian bagi menggalakkan peningkatan penghayatannya di kalangan generasi muda, termasuk dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Satu daripada program yang telah menerima sambutan yang baik adalah program Mekar ICT yang melihatkan wakil-wakil pergerakan memberikan kelas penggunaan komputer kepada anak-anak kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di kawasan flat kediaman mereka.

"Kami diminta menawarkan lebih banyak kelas sebegini," katanya.

Apabila ditanya pesannya kepada perwakilan perhimpunan kali ini, Noraini berkata, para perwakilan digesa menumpu kepada isu-isu yang bernas, realistik dan tidak menghentam mana-mana individu.

"Kita juga mahu bersikap terbuka dan akan melihat setiap idea secara positif," katanya.

Beliau dalam hal ini berpendapat perwakilan pergerakannya tidak akan mengetengahkan isu perbalahan bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Abdullah.

Apabila ditanya mengenai harapannya sebagai Ketua Puteri sebelum melepaskan jawatan tersebut kerana telah mencapai usia 39 tahun, beliau berkata, ahli-ahli Puteri UMNO perlu berusaha lebih keras dan jangan sekali-kali leka.